

## Pemasangan Bendera Kecil Di Kenderaan Sempena Hari Kebangsaan

Pada 18 Februari bertempat di kawasan letak kereta ibu pejabat Jabatan Penerangan di Lapangan Terbang Lama Berakas, ahli-ahli Jawatankuasa Pengagihan Bendera Kecil Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah melekatkan bendera-bendera kecil di kenderaan para pegawai dan kakitangan jabatan, termasuk kenderaan kerajaan milik jabatan.

Pengagihan bendera-bendera kecil tersebut merupakan antara atur cara yang disusun oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang akan diraikan pada 23 Februari.



Bendera-bendera kecil dilekatkan di kenderaan para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan oleh para petugas dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Melekatkan bendera kecil ke atas sebuah kenderaan kerajaan milik Jabatan Penerangan.

## Pengagihan Pas Akreditasi Media Sempena Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan

Seperi di tahun-tahun yang lalu semua pengamal-pengamal media di negara ini disarankan untuk menghadapkan permohonan bagi pas akreditasi media untuk membuat liputan dan penggambaran di Upacara Sambutan Jubli Perak Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke Jabatan Penerangan.

Untuk tujuan itu Bahagian Perkhidmatan Media, Jabatan Penerangan selaku bahagian yang dimandatkan untuk memproses dan mengeluarkan pas berkenaan telah mengadakan Sesi Taklimat Media di samping pengagihan pas-pas berkenaan. Taklimat diadakan di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Taklimat mengenai etika dan pergerakan media disampaikan oleh Awang Haji Dayang bin Haji Kasim, Pegawai Penerangan, Ketua



Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Hjh Noorashidah binti Haji Aliomar dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Media, Haji Dayang bin Haji Kasim beramah mesra bersama Pegawai Penguasa Balai Polis Berakas.



Suasana semasa pembahagian pas-pas akreditasi media di Jabatan Penerangan.

Bahagian Perkhidmatan Media manakala taklimat keselamatan pula disampaikan oleh wakil dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan taklimat acara sambutan pula disampaikan oleh wakil dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tahun ini sebanyak 496 pas telah diberikan kepada pengamal media yang telah diluluskan.

Berita disumbangkan oleh:  
Bahagian Perkhidmatan Media

*Selamat Menyambut Jubli Perak Hari Kebangsaan*

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

## Sidang Redaksi

### Penasihat

Haji Mahmud bin Haji Masri

### Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

### Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aida Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

### Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Hajah Norpisah Md Salleh  
Nor Ajijah Mohammad  
Asnah Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

### Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

### Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

### Fotografi

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris  
&  
Media IT  
Pengiran Ikram bin Pengiran Ahmad

# Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

**S**alah satu acara penting yang berlangsung pada bulan ini ialah Sambutan Hari Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam yang disambut pada setiap 23 Februari. Pada setiap tahun sambutan ini, jabatan memainkan peranan penting dalam sama-sama memberikan acara ini, bezanya tahun ini kita menyambut sambutan Jubli Perak atau 25 Tahun Hari Kebangsaan.

Seawal bulan ini, jabatan telah diberi tanggungjawab menerbitkan poster-poster dan risalah untuk diedarkan di keempat-empat daerah dalam sama-sama memberikan sambutan ini kepada orang ramai. Selain itu, pegawai dan kakitangan jabatan juga terlibat dalam perbarisan lalu, membuat persempahan padang, mengeluarkan pas akreditasi dan memberi taklimat kepada media, liputan berita dan penggambaran, menyediakan Pusat Media, Laman Web Hari Kebangsaan dan lain-lain.

Sememangnya komitmen dan kerjasama yang erat di kalangan pegawai dan kakitangan dalam sama-sama mendukung sambutan ini adalah sangat dihargai kerana melalui penglibatan semua pihak, majlis-majlis dan atur cara yang disusun oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi sambutan ini berjalan dengan licin dan teratur.

Di dalam kesibukan tersebut jabatan menerima kunjungan dari Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji Patra. Kunjungan ini merupakan penghormatan bagi jabatan kerana melaluiinya, pegawai dan kakitangan berkesempatan berkongsi maklumat dan maklum balas mengenai apa jua hal ehwal penerangan. Selain itu jabatan juga menerima kunjungan serombongan pegawai-pegawai Pasukan Polis Kawalan Diraja Istana Nurul Iman. Sememangnya jabatan mempunyai hubungan kerja yang rapat dengan pasukan ini terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan liputan media. Apa yang penting lawatan ini telah dapat meningkatkan lagi kefahaman mengenai fungsi jabatan dalam sama-sama menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

Dalam apa jua aspek, kerjasama yang padu oleh semua warga mencerminkan kesetiaan dan rasa tanggungjawab dalam memastikan Jabatan Penerangan akan terus maju ke hadapan.

Sekian, Wassalam.

HAJI MAHMUD BIN HAJI MASRI  
Pemangku Pengarah Penerangan

- Pemasangan Bendera Kecil	1
- Pengagihan Pas Akreditasi Media	
- NDMC	
- Pameran Foto Penerangan Malaysia - Brunei Darussalam	3
- Aktiviti Sempena Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan 2009	4 - 5
- Penempatan Di Perpustakaan UBD	
- Lawatan Sambil Belajar Polis Kawalan Diraja Istana Nurul Iman	6
- MRO bertugas	
- Mesyuarat AJK Media & Liputan Semasa MMN 2009	7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009	
- Pengubahaui Bilik Pehin Udana Khatib	8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

## Bersama Menyumbangkan Khidmat Tangani Bencana Alam

Jabatan Penerangan selaku ahli kepada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (National Disaster Management Centre - NDMC) telah turut sama menyumbangkan khidmat sewaktu kejadian banjir dan tanah susur akibat hujan lebat yang berlaku semenjak minggu keempat bulan Januari hingga ke bulan Februari.

Para pegawai dan kakitangan jabatan antaranya terlibat bekerjasama dengan pihak NDMC di dalam menyediakan siaran akhbar untuk dihantar ke agensi-agensi media tempatan bermula penghujung bulan Januari hingga minggu ketiga di bulan Februari.

Sepanjang minggu berkenaan, pegawai yang bertugas berada di pejabat NDMC bersama wakil-wakil dari agensi kerajaan lainnya seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan (Angkatan Bersenjata Diraja Brunei), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan



Suasana di Bilik Gerakan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (National Disaster Management Centre - NDMC) di mana beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan ini turut sama terlibat bekerjasama dengan pihak NDMC.

Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Selain itu pihak jabatan juga melalui Bahagian Pelita Brunei dan Bahagian Fotografi dan Audio Visual turun padang untuk membuat liputan berita dan penggambaran ke kawasan-kawasan yang ditimpa musibah.



## Pameran Foto Penerangan Malaysia - Negara Brunei Darussalam

Pameran Foto Penerangan Malaysia - Negara Brunei Darussalam telah diadakan pada 1 - 7 Februari 2009 yang lalu di KL Sentral, Kuala Lumpur, Malaysia. Pameran ini adalah salah satu projek yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknik Bersama Dalam Bidang Penerangan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia yang bersidang pada Jun 2008 di Negara Brunei Darussalam.



Wakil Jabatan Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad dari Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

Pameran tersebut juga bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ke-35 tahun dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Ahmad Shabery Cheek, Menteri Penerangan Malaysia.

Pameran Foto Penerangan Negara Brunei Darussalam akan diadakan pada bulan Julai 2009 di Majlis Ilmu sempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-63 tahun.



Antara bahan pameran yang menjadi tumpuan pengunjung di pameran tersebut.

## Gambar-gambar penglibatan Jabatan Penerangan sepanjang hari



Antara para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang terlibat sempena sambutan Hari Kebangsaan bergambar ramai.

Negara Brunei Darussalam tahun ini meraikan Jubli Perak Sambutan Hari Kebangsaan. Jabatan Penerangan seperti kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta yang lainnya turut serta memeriahkan sambutan ini.

Antara penglibatan para pegawai dan kakitangan jabatan adalah acara perbarisan lalu dan persembahan padang. Pemangku Pengarah, Awang Haji Mahmud dan Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah

Noorashidah juga turut terlibat dalam acara perbarisan tersebut.

Selain penglibatan dalam acara perbarisan dan persembahan padang, para pegawai dan kakitangan jabatan juga turun padang untuk bertugas di hari bersejarah itu.

Para pegawai dan kakitangan yang bertugas adalah mereka yang membuat liputan iaitu para penyunting, pemberita dan jurugambar dan pegawai penghubung media (Media Relation Officer - MRO).

Memandangkan tahun ini merupakan sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan, maka Pusat Media juga turut dibuka bagi membantu para pengamal media sepanjang membuat liputan di hari berkenaan.

Pusat Media yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah ini dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat seperti komputer dan mesin pencetak serta mesin fotokopi.

Walaupun keadaan pada hari sambutan tersebut dan hari-



Petugas-petugas di balik tabir (media centre), dan para pemberita yang sibuk dengan tugas masing-masing tetapi tetap memberikan gaya istimewa untuk Warta Penerangan.

# panjang sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan 2009

hari latihan (rehearsal) agak panas namun para pegawai dan kakitangan jabatan yang terlibat semuanya bertugas dengan penuh dedikasi.

Kesediaan para pagawai dan kakitangan yang terlibat untuk bertugas tanpa menghiraukan keadaan cuaca ini menunjukkan semangat patriotik di dalam menjalani cabaran tugas.

Akhir kata, ahli Sidang Redaksi Warta Penerangan mengucapkan Selamat Menyambut Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Kedewasaan Bernegara'.



Bersedia lebih awal untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.



Para jurugambar dan MRO serius menjalankan tugas tanpa menghiraukan cuaca yang cukup panas baik semasa hari latihan (rehearsal), begitu juga semasa acara sebenar berlangsung.

## Penempatan Di Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam

Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Ali Hussien, Pembantu Perpustakaan Tingkat II telah mengikuti penempatan di Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) selama dua minggu mulai 28 Februari hingga 14 Mac. Tujuan penempatan ini adalah:

1. Memberikan pendedahan kepada Pustakawan jabatan ini mengenai peranan Perpustakaan UBD sebagai pusat maklumat bagi mahasiswa dan juga orang ramai.

2. Memberikan pengetahuan mengenai dengan kemudahan-

kemudahan yang terdapat di Perpustakaan UBD.

3. Meningkatkan kebolehan dalam mendapatkan maklumat melalui internet seperti e-journals, e-reference, e-source room, opac (online public access catalogue).

4. Mengetahui dalam mendapatkan maklumat mengenai Negara Brunei Darussalam di Bahagian Bruneiana seperti Bruneiana Digital and Open Collection, koleksi keratan akhbar mengenai Negara Brunei Darussalam.

Menurut beliau penempatan ini

telah memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada penggunaan teknologi maklumat terkini dalam kerja-kerja harian perpustakaan.

Penempatan pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta merupakan salah satu cara dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tanpa memerlukan perbelanjaan yang besar.

Berita sumbangan:  
Bahagian Pengurusan dan Perkembangan Kapisiti

## Lawatan Sambil Belajar Polis Kawalan Diraja Istana Nurul Iman

Seramai 23 orang Pegawai Polis Kawalan Diraja Istana Nurul Iman yang diketuai oleh Ketua Inspektor Eunos Doughty telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan pada 14 Februari.

Majlis dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu 'Bendera Negara'.

Atur cara majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin, seterusnya ucapan alu-aluan oleh Pengurus Majlis, Awang Haji Masrin bin Baharin.

Sesi taklimat mengenai 'Struktur Organisasi dan Perkhidmatan-

perkhidmatan Jabatan Penerangan' telah disampaikan oleh Awang Haji Hassan bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan. Antara isi taklimat telah menyentuh mengenai sejarah dan perkembangan jabatan sejak mula ditubuhkan pada 1 April 1952, peranan utama jabatan dalam perancangan dan pelan strategik sebagai 'lidah' dan 'mulut' dalam menyampaikan maklumat mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan.

Jabatan Penerangan juga jelas Awang Haji Hassan adalah 'telinga' kerajaan dalam mendengar permasalahan orang ramai dan media massa sesuai dengan wawasan

Jabatan Penerangan yang sentiasa menjadi penghubung dua hala antara kerajaan dan rakyat dalam mendukung falsafah, aspirasi dan matlamat negara.

Rombongan pelawat juga berpeluang beramah mesra dan mengadakan sesi soal jawab bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri dan pegawai-pegawai kanan jabatan serta sesi bergambar ramai.

Sebelum mengakhiri lawatan, para pelawat tersebut telah dibawa meninjau dengan lebih dekat ke Bahagian Berita Inggeris dan Media IT, Bahagian Pelita Brunei dan Bahagian Fotografi dan Audio Visual.

## Pegawai Yang Bersara

Awang Haji Majid bin Haji Ibrahim

Jawatan: Pelukis Tingkat II

Cuti sebelum bersara: 25 November 2008 - 8 Februari 2009

Tarikh bersara: 9 Februari 2009

Dayang Aisah binti Haji Piee

Jawatan: Penolong Penyunting Tingkat II

Cuti sebelum bersara: 24 November 2008 - 3 Februari 2009

Tarikh bersara: 4 Februari 2009

*Selamat Hari Lahir*

Awang Lim Ting Tiang  
Dayang Aisah binti Haji Piee  
Awang Tamam bin Haji Garip  
Awang Ramli bin Tengah  
Awang Haji Majid bin Haji Ibrahim  
Awang Mohd. Suzawadeen bin Mohd. Zaidi  
Awang Haji Salleh bin Haji Ibrahim  
Awang Ahmad bin Haji Tahir  
Awang Esa bin Sabli  
Awang Rafae bin Yaakub  
Dayang Julinia binti Mohd. Ali  
Dayang Faridah binti Haji Kaderi  
Awang Haji Mohd. Yussop bin Haji Mohd. Yassin

2 Februari  
4 Februari  
4 Februari  
7 Februari  
9 Februari  
11 Februari  
12 Februari  
14 Februari  
16 Februari  
24 Februari  
24 Februari  
26 Februari  
27 Februari

## Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Februari

**M**edia Relations Officer (MRO) adalah merupakan perkhidmatan yang banyak membantu pergerakan kepada media-media yang membuat liputan dan penggambaran bilamana ada acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja.

MRO akan siap sedia untuk bertugas pada masa yang dikehendaki dan pada masa bukan waktu pejabat tidak kira ianya waktu siang atau malam.



Tidak melepaskan peluang bergambar kenangan setelah selesai acara sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

03 Februari	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Kota Kinabalu.
08 Februari	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Upacara Menaikkan Bendera Sempena Hari Kebangsaan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.</li> <li>- Latihan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Sambutan Tahun Baru Cina di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.</li> </ul>
09 Februari	Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Sambutan Tahun Baru Cina di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
19 Februari	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab untuk Majlis Penyerahan Kunci.
22 Februari	Majlis Doa Kesukuran Sempena Hari Kebangsaan, Masjid Omar Ali Saifuddien.
23 Februari	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.</li> <li>- Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik ke Pelancaran Satay Terbanyak, Jerudong Polo &amp; Country Club</li> <li>- Latihan Memorial Lecture, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.</li> </ul>
24 Februari	Ketibaan Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
25 Februari	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memorial Lecture, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.</li> <li>- Majlis Santap Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew.</li> </ul>
26 Februari	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Upacara Menurunkan Bendera, Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien</li> <li>- Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Mess Pegawai Bolkiah Garrison.</li> </ul>

Jadual dan gambar sumbangan:  
Bahagian Perkhidmatan Media

## Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Media & Liputan Semasa, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2009

**S**eperti lazimnya Jabatan Penerangan dan beritanggungjawab untuk memberi liputan yang meluas sepanjang sesi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diadakan. Sebuah Pusat Media akan dibuka dan beroperasi bagi membantu pihak media membuat liputan dan menyalurkan maklumat yang ada mengenai persidangan itu nanti.

Sehubungan dengan itu, mesyuarat telah diadakan pada 26 Februari 2009 di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar. Agenda utama yang dibincangkan adalah mengenai pembahagian tugas dan kerja-kerja yang perlu

dilaksanakan di sepanjang MMN. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan II, Dyg Sastra Sarini bte Hj Julaini bersama Awg Hj Dayang bin Hj Kasim, Pegawai Penerangan.

Beberapa perkara telah dimaklumkan dan dikongsi oleh kedua pengurus kepada ahli jawatankuasa yang terlibat semasa Persidangan MMN itu nanti seperti antaranya kerjasama Jabatan Penerangan dengan pihak RTB dan media cetak, Bilik Estet di Bangunan MMN sebagai Pusat Media di sepanjang persidangan, gerak kerja MRO secara bergilir (shift) dan tempat

bertugas (Bilik Persidangan & Bilik Jurubahasa 4), dan mengenai penggunaan pas-pas bertugas yang mana pada tahun ini, pihak Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (Pusat Akreditasi Brunei) membuat sedikit perubahan iaitu membuat pas bertugas tanpa gambar yang hanya terteranama, nombor kad pengenalan dan organisasi sahaja. Pas-Pas berkenaan akan dikembalikan semula setelah tamatnya Persidangan MMN jika pas tersebut hilang, denda akan dikenakan sebanyak \$20.00 untuk satu pas.

# Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009

Dengan tema 'Warna Biru' (air, langit, bunga, burung, mata dan lain-lain), Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009 diteruskan lagi bagi bulan Januari 2009 dan penyertaannya dibukakan sehingga 15 Februari.

Bagi Kategori Jurugambar, Ak. Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Ali berjaya mendapat tempat

pertama melalui gambar 'Cahaya Lampu Kereta'. Manakala bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan, gambar 'Cenderamata Seminar' oleh Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud telah menjuarai peraduan tersebut.

Peraduan diteruskan bagi bulan Februari dengan tema 'Gerakan' (gerakan disebabkan perjalanan sesuatu (kereta, basikal), tiupan angin, berlari dan lain-lain) Penyertaan akan ditutup pada 15 Mac 2009.



'Cenderamata Seminar' yang mendapat tempat pertama bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan oleh Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud.



'Cahaya Lampu Kereta' oleh Ak. Amirul Nizam bin Pg. Haji Mohd. Ali yang memenangi peraduan bagi Kategori Jurugambar

## Pengubahsuaian Bilik Pehin Udana Khatib menjadi Pusat Media Kekal Jabatan Penerangan



Sebelum



Sesudah

